

Kikis fobia derma organ



**MAJLIS PERASMIAN
FORUM UMUM KE-2**
"SETIAP INSAN ADALAH PENDERMA"
SERTA PELANCARAN LOGO DAN BULETIN PERTAMA
T TERAPI SEL PPKW
27 APRIL 2015

AHLI panel pada majlis Forum Umum ke-2 di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Cheras, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Gambar ZAKARIA IDRIS dan ZUL HAFIZ HANAFIAH

Fakta:

PADA 23 Jun 1970, Majlis Fatwa Kebangsaan menggariskan empat syarat yang mesti diambil kira dalam menfatwakan hukum menderma organ sebagai harus:

- Pemindahan organ dibenarkan jika ia merupakan jalan terakhir untuk menyelamatkan nyawa seseorang yang mengalami kegagalan organ.
- Penderma organ mesti disahkan telah mati.
- Mendapat kebenaran dari keluarga penderma.
- Tidak melibatkan urusan jual beli. Dalam kata lain, organ tubuh bukan barang dagangan tetapi mesti dianggap sebagai derma.

ULAMA kontemporari termasuk Prof. Dr. Yusuf Qaradawi sepakat menderma organ atau sel stem adalah harus dengan syarat-syarat berikut:

- Tidak ada unsur perdagangan.
- Terbukti ia boleh memanfaatkan atau meningkatkan kualiti hidup.
- Tidak mendatangkan mudarat kepada penderma.
- Dilakukan untuk kepentingan umum.
- Dilakukan dengan kebenaran penderma.
- Dilakukan dengan ikhlas tidak ada unsur paksaan.

Ragam & Pengajaran

NABI SAW bersabda yang bermaksud: *Tangan yang di atas (tangan yang memberi) lebih baik dari tangan yang di bawah (tangan yang menerima atau meminta)...(riwayat Bukhari)*

Oleh MOHD. RADZI MOHD. ZIN

ISLAM membawa mesej universal dengan cinta, kasih sayang dan mengambil berat terhadap semua penghuni dunia ini. Oleh sebab itu, kita diharuskan menderma organ kepada mereka yang memerlukan. Pendermaan ini tidak terhad kepada sesama Muslim malah ia juga boleh dilakukan kepada yang bukan Islam.

Namun, jika terdapat Muslim dan bukan Muslim yang kedua-duanya memerlukan derma organ atau darah, Muslim tersebut mestilah diberi keutamaan sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: *Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain.* (at-Taubah: 71)

Adalah amat terpuji bagi seorang yang dapat menderma organnya kepada orang tertentu, atau untuk pembangunan seperti bank yang khusus untuk tujuan tersebut (seperti bank darah dan bank tisu).



DR. FADHILAH Zowyah Lela Yasmin Mansor menyampaikan ceramah tentang 'Pendermaan Organ' di PPZ, Cheras, Kuala Lumpur.

Menyedari hal ini, Pusat Terapi Sel Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) di Cheras, Kuala Lumpur mengadakan Forum Umum ke-2 bertajuk 'Mengupas Isu Mengenai Konsep Penderma Sel Stem dari Aspek Perubatan, Agama dan Hak Asasi Manusia'.

Tiga ahli panel dijemput bagi membincangkan tajuk tersebut. Mereka ialah Pakar Perunding Kanan Hematologi PPUM, Prof. Dr. S. Fadilah Abdul Wahid, Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam),

Datuk S. Siva Subramaniam dan Pengarah Eksekutif Yayasan Ilmuwan, Shaikh Mohd. Saifuddeen Shaikh Mohd. Salleh.

Dr. S. Fadilah berkata, mereka yang ingin menderma sel stem perlu menjalani pemeriksaan terperinci termasuk ujian darah dan kebenaran secara bertulis.

Katanya, penderma juga mesti berumur 16 tahun dan ke atas, tidak mengalami penyakit serius, tidak menghidap viral hepatitis yang akut dan bebas HIV dan Aids.

- Dilakukan dengan kebenaran penderma.
- Dilakukan dengan ikhlas tidak ada unsur paksaan.

“Mereka yang mengandung, sedang menjalani rawatan dan selepas menjalani pembedahan atau menghidap selesema perlu menunggu enam bulan sebelum boleh menderma,” katanya.

Siva pula berkata, setiap manusia berhak mencapai taraf hidup yang memuaskan dari segi kesihatan termasuk perubatan.

Malah, katanya, mengikut Perkara 3 Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia menyebut, setiap manusia itu berhak pada nyawanya.

“Dengan kata lain, menderma organ atau sel stem ini adalah usaha murni dan patut disokong kerana ia membantu mereka yang memerlukan.

“Namun, mana-mana projek hanya akan berjaya kalau mendapat sokongan penderma dan penerimanya,” jelas beliau.

Seorang lagi ahli panel, Shaikh Saifuddeen berkata, secara umum memang tidak ada nas khusus berkaitan pendermaan sel stem.

Bagaimanapun, katanya, Islam menyuruh umatnya berusaha memelihara lima perkara sebagai mana digariskan dalam *maqasid syariah*.

Perkara-perkara itu adalah yang melibatkan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda.

“Justeru, para fuqaha membuat ijtihad dengan mengguna pakai kaedah fiqh

6 Adalah amat terpuji bagi seorang yang dapat menderma organnya kepada orang tertentu, atau untuk pembangunan seperti bank yang khusus untuk tujuan tersebut (seperti bank darah dan bank tisu)

iaitu keutamaan mengatasi darurat," katanya.

Menurut Shaikh Saifuddeen, umat Islam disuruh berusaha mencari penawar apabila diserang penyakit sekali gus membuktikan dalam Islam tidak ada istilah putus asa.

"Mengambil kira bahawa menderma darah dan susu itu harus maka ulama mengambil qias ini bahawa menderma sel stem juga adalah harus.

"Bagaimanapun, ada beberapa syarat yang perlu dipatuhi sebagai mana yang disebutkan oleh Dr. Qaradawi di atas," tegasnya.

Dalam satu lagi program Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2009 anjuran Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di Taman Shamelin, Cheras, Kuala Lumpur turut diadakan ceramah yang hampir sama.

Ceramah bertajuk 'Pendermaan Organ: Berbudi Selepas Tiada' itu disampaikan oleh Ketua Koordinator Pusat Sumber Transplan Nasional, Datin Dr. Fadhilah Zowiyah Lela Yasmin Mansor.

Katanya, permintaan untuk mendapatkan pemindahan organ adalah tinggi di Malaysia di mana setakat ini terdapat 5,000 pesakit yang menunggu



MELALUI transplan organ, kita boleh membantu menyelamatkan nyawa.

- Gambar hiasan

untuk menerima transplan buah pinggang.

Demikian juga dengan bilangan pesakit jantung di mana terdapat 85 orang yang masih menunggu untuk mendapat jantung baru.

"Dalam tempoh menunggu itu, 37 orang meninggal dunia dan kebanyakan penderma adalah dari status kadaverik (selepas mati)," katanya.

Bagaimanapun, menurut Dr. Yasmin, masalah utama adalah mendapatkan penderma organ. Statistik penderma bagi tahun 2008 ialah 26 orang manakala bagi tahun 2009 setakat ini hanya sembilan penderma.

Ini menyebabkan pesakit terpaksa membeli ginjal dari India dan China iaitu daripada penderma yang masih

hidup.

"Bagaimanapun, sekarang kita tidak boleh lagi membeli organ dari China," katanya.

Dr. Yasmin berkata, setiap organ yang didermakan akan dipastikan tidak ada pembaziran padanya.

"Kalau jantung penderma rosak, kita akan gunakan injapnya. Pendek kata, setiap organ yang masih elok akan kita gunakan," jelas beliau.

Sehubungan itu, beliau menyeru rakyat Malaysia agar mendaftar sebagai penderma untuk membantu menyelamatkan nyawa orang lain.

Pendaftaran boleh dibuat dengan menghubungi Pusat Sumber Transplan Nasional di 03-26942704 atau emel kepada ntrc@hkl.gov.my.

Apa kata penerima sel stem:

- **PROF. DR. ZAILINA HASHIM**, Pensyarah Perubatan Universiti Putra Malaysia

“Saya mendapat sel stem daripada adik saya. Sebelum ini saya menghidap leukemia.

“Kebanyakan orang keberatan menderma kerana kurang faham peranan untuk menyelamatkan nyawa.

“Barangkali antara sebabnya, maklumat begini tidak sampai kepada masyarakat,” katanya.



Apa kata bakal penderma:

- **AHMAD HUSAIZI HASHIM, 36**, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi PPZ

“Saya bercita-cita menjadi penderma atas rasa tanggungjawab membantu.

“Cuba bayangkan, jika yang sakit itu adalah ahli keluarga kita sendiri, bagaimana nasib mereka?

“Sebab itu, saya sudah mendaftar. Lagi pun ini salah satu cara untuk berbakti selepas kita mati,” katanya.



- **SUHAILI MISKON, 35**, Bahagian Kewangan PPZ

“Saya mahu membantu masyarakat dengan mendaftar sebagai penderma organ.

“Selepas ini saya akan terangkan kepada ahli keluarga tentang hasrat saya menjadi penderma organ.

“Kalau boleh, saya mahu dermakan semua organ yang masih elok untuk manfaat orang lain,” katanya.



- **NUZULFARAZAINN MISRAN, 24**, Unit Zakat Perniagaan PPZ

“Selepas mendengar taklimat, saya lebih faham tentang kepentingan menderma organ.

“Saya yakin jika ada pendedahan masyarakat Malaysia akan tampil menjadi penderma organ.

“Saya mahu dermakan hati dan keluarga saya sudah pun dimaklumkan mengenainya,” kata beliau.



- **AZHAN ISMAIL, 37**, Bahagian Kewangan PPZ

“Saya minat untuk menderma organ, cuma perlu berbincang dengan ahli keluarga terlebih dahulu supaya mereka tidak terkejut.

“Buat masa sekarang, masyarakat kita lebih suka menderma darah sahaja tetapi dengan pendedahan, saya percaya lebih ramai akan menderma.

“Saya harap para ulama pun akan mempromosikan perkara ini,” katanya.

